

D648

R B614 BAH  
MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 14 MAC (BERNAMA) -- UMNO MENGARAHKAN SEMUA BAHAGIANNYA SUPAYA MENGENALI SEBERAPA RAMAI ORANG YANG BELUM MENDAFTAR SEBAGAI PENGUNDI UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA DIDAFTARKAN DENGAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR), KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

KATANYA, USAHA ITU HANYA DILAKUKAN DENGAN CARA MENYEDIAKAN SENARAI YANG BELUM MENDAFTAR SEBAGAI PEMILIH UNTUK DISERAHKAN KEPADA SPR.

CARA ITU SEBAGAI MEMBANTU GERAKAN PENDAFTARAN PEMILIH YANG DIJALANKAN OLEH SURUHANJAYA BERKENAAN KERANA PEGAWAI PENDAFTARAN SPR TIDAK MUNGKIN DAPAT PERGI KE SEMUA RUMAH, KATANYA KEPADA PEMBERITA DI LUAR DEWAN RAKYAT HARI INI.

+ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB PARTI UNTUK MENGENALI ORANG YANG BELUM MENDAFTAR SEBAGAI PENGUNDI+, KATANYA KETIKA DIMINTA MENGULAS SURAT YANG DIKATAKAN DIKELUARKAN OLEH SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK MOHAMED RAHMAT KEPADA SEMUA BAHAGIAN UMNO MEMINTA MEREKA MENJALANKAN USAHA TERSEBUT.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA BELIAU BELUM MELIHAT SURAT BERKENAAN TETAPI MENEGASKAN UMNO MEMBERIKAN PERHATIAN BERAT KEPADA GERAKAN PENDAFTARAN PEMILIH. -- LAGI  
2350MST 14 03 90

D649

R B615 BAH  
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, BAHAGIAN-BAHAGIAN DIMINTA MEMILIH ANGGOTA-ANGGOTA YANG DAPAT MENGENALI PENDUDUK DI BAHAGIAN MEREKA YANG BELUM MENDAFTAR SEBAGAI PENGUNDI UNTUK MENYEDIAKAN SENARAI BAGI DISERAHKAN KEPADA SPR.

MENURUTNYA, MANA-MANA PARTI JUGA BOLEH MENGADAKAN USAHA SEPERTI ITU DAN +UMNO TIDAK MAHU MENCERITAKANNYA KEPADA ORANG LAIN KERANA MEREKA PULA MUNGKIN MENGIKUTI CARA UMNO+.

KATANYA, LANGKAH ITU MERUPAKAN RAHSIA PARTI TETAPI DISEBABKAN AKTA RAHSIA RASMI (OSA) TIDAK ADA BAGI PARTI POLITIK, SURAT SEPERTI ITU YANG DIEDARKAN OLEH PARTI KEPADA BAHAGIAN BOLEH DICURI OLEH ORANG LAIN.

MENURUTNYA, UMNO MENGAMBIL BERAT GERAKAN PENDAFTARAN DAN PENYEMAKAN PEMILIH BAGI MEMASTIKAN SEMUA ANGGOTANYA DIDAFTARKAN SEBAGAI PENGUNDI DAN MENGELAKKAN NAMA MEREKA DARIPADA TERCICIR.

+DULU KERJA MEMOTONG NAMA-NAMA PENGUNDI BIASA DIBUAT OLEH PARTI LAWAN, WALAUPUN KITA TIDAK ADA BUKTI, SEHINGGA RAMAI ANGGOTA UMNO TIDAK DAPAT MENGUNDI+, KATANYA SAMBIL MENAMAKAN BEKAS YANG DIPERTUA AGUNG PAS, DATUK HAJI ASRI MUDA SEBAGAI CONTOH.

MENURUT BELIAU, SETELAH MENYERTAI BARISAN NASIONAL, DATUK ASRI MENDAPATI NAMANYA DIKELUARKAN DARIPADA DAFTAR PENGUNDI.

+OLEH KERANA ITU, KALI INI KITA AMBIL BERAT TENTANG DAFTAR PENGUNDI UNTUK MENENTUKAN AHLI-AHLI UMNO AKAN MENDAFTAR,+ KATANYA.  
-- BERNAMA

2353MST 14 03 90